

TALKING POINTS

PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB

NAIB CANSELOR

**ANUGERAH BAKTI DAN KECEMERLANGAN PELAJAR UTeM 2016 DAN
ANUGERAH SUKAN UTeM 2016 (MASUTeM)**

26 APRIL2017 (RABU); 2.30 PETANG

DEWAN PUSAT SUKAN

Y.Bhg. Profesor Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Mohd Jalilani bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Y.Bhg. Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Y.Bhg. Prof. Dr. Goh Ong Sing
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Yang Berusaha Saudara Abdul Hanif bin Abdul Rani
Yang Dipertua Majlis Kepimpinan Pelajar

Barisan Exco MPP, Para Pelajar, Hadirin dan Hadirat yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Melaka

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

PENGENALAN

- Terima kasih diucapkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar selaku Urus Setia Majlis Anugerah Bakti & Kegemilangan Pelajar dan Anugerah Sukan (**MASUTeM**) 2016 di atas penganjuran majlis penghargaan seumpama ini.
- Majlis ini **signifikan kepada pihak universiti** dalam usaha kita untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan di atas kejayaan mahasiswa/i yang telah bertungkus-lumus mencerahkan bakti mengharumkan nama UTeM.
- Penganugerahan ini merupakan inisiatif terbaik dalam **mendorong dan memberi suntikan semangat** kepada mahasiswa/i UTeM untuk lebih agresif dalam memberikan sumbangan terbaik terhadap kecemerlangan universiti khususnya dalam bidang kesukanan, persatuan dan kelab.

- **Ganjaran bukanlah ukuran terbaik** untuk mengiktiraf sesuatu kejayaan, ia penting bagi memastikan wujudnya rasa keikhlasan dalam mencapai sesuatu kecemerlangan.
- Elemen **IHSAN** bukan sahaja perlu diterapkan di dalam amalan kerja sehari-hari warga kerja UTeM malah perlu disemai bersama dalam diri setiap mahasiswa/i UTeM
- IHSAN yang dimaksudkan adalah adalah **ikhlas dan penuh perhatian** dalam melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh seolah-olah Allah melihat setiap apa yang dilakukan.
- Maka dari situ akan **terbitnya sikap bersungguh-sungguh, berbuat baik, keterbukaan** dalam melaksanakan apa yang disuruh tanpa rasa terbeban bagi mencapai kecemerlangan diri seterusnya Universiti ini.

PERUBAHAN SIKAP POSITIF

- Mahasiswa/i UTeM hendaklah **mengetepikan nilai-nilai negatif** yang semakin menular di kalangan generasi muda masa kini yang banyak di bawa oleh budaya barat.
- **Mahasiswa UTeM perlu sepakat dan sehaluan** untuk meningkatkan lagi kompetensi, kualiti dan keunggulan diri untuk menjadi insan berkebolehan dan seimbang dalam segala aspek keperluan seperti mana yang dihasratkan oleh pihak Kementerian dan Universiti ini sendiri.
- Hasrat UTeM adalah untuk menghasilkan **graduan bidang teknikal yang mampu berfungsi (functional)**, mempunyai keperibadian murni dan yang pasti mampu mencapai **kecemerlangan** sama ada dalam akademik mahupun bukan akademik.

- Kemampuan dalam bidang bukan akademik boleh diukur menerusi **keterlibatan aktif di dalam aktiviti persatuan, kelab, kesukanan** yang dianjurkan di peringkat Fakulti, Universiti seterusnya di peringkat yang lebih tertinggi.
- Penglibatan dalam bidang bukan akademik inilah secara langsung mampu membentuk **peribadi dan etika mulia, tidak mementingkan diri sendiri, semangat berpasukan dan kepimpinan terbaik.**

HASRAT MELAHIRKAN TUAH UTeM

- Ikon TUAH UTeM tercipta apabila UTeM berhasrat untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai atribut **keusahawanan, multidisiplin, ihsan/spiritual, global, personaliti unggul dan yang mempunyai semangat techno trillionaire.**

- Alhamdulillah, berkat usaha UTeM selama ini telah banyak membawa hasil, antaranya baru-baru ini:
 - ✓ Mantan YDP MPP dan Alumni FTK- Saudara Mohd Khaiurl Nizam Suhaimin menerima MySET-MTC Student Excellence Award 2017,
 - ✓ Pelajar FKM Che Mohamad Izzat Bin Che Mohd Idris terpilih ke 'Global Leadership Programme for Student Parliament 2017 bertempat di St.John's College, University of Oxford
 - ✓ Duta Jauhar UTeM yang berjaya memperolehi Anugerah Emas untuk projek kenaf mereka dalam Kongres Duta Jauhar 3.0.
 - ✓ Pasukan Rowing UTeM telah berjaya memperolehi 2 EMAS 1 PERAK dan 2 GANGSA dan juga dinobatkan sebagai JUARA keseluruhan bagi kategori Wanita.

- Kejayaan yang dicapai oleh mahasiswa/i adalah kerana **keazaman, ketekunan, kesepakatan dan kerjasama** dari semua pihak.
- Usaha mencipta kejayaan Universiti adalah **tanggungjawab kita bersama** dan kejayaan yang diperolehi adalah milik kita bersama.

PENUTUP

- **Syabas dan tahniah** kepada mahasiswa/i yang menerima anugerah pada petang ini
- **Terima kasih kepada pihak HEP** yang sentiasa mengambil berat dan menjaga mahasiswa/i UTeM dalam pelbagai aspek.

- **Pesanan:** gunakanlah peluang yang ada, tonjolkan diri, melibatkan diri sebagai pasukan kerja yang proaktif, dinamik dan berdaya saing bagi memacu kecemerlangan UTeM sehingga ke peringkat tertinggi.

PANTUN

Berenang-renang si anak tenggiri,
Bersama kelisa ke hujung muara;
Siswa UTeM unggul berdiri,
Pemacu bangsa pewaris negara.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima Kasih.